


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 44 RABU 1HB. NOBEMBER, 1972. 1392 رابو 24 رمضان PERCHUMA



Penasehat Umum D.Y.M.M. melawat ka-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa telah melawat Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja di-iringi oleh Awang Selamat bin Munap, sa-orang pegawai pentadbir; Awang Abdul Hamid Ja'afar, pemangku Timbalan Pengarah Pertanian; Pegawai Pemerintah Kulis Daerah, Awang B.M.G. Car-

valho dan Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam.

Penasehat Umum itu dan rombongan mula2 sa-kali melawat tempat pemeliharaan binatang di-Labu Estate, di-mana beliau di-beri penerangan oleh Awang Subramaniam mengenai kegiatan di-steshen itu.

Sa-masa lawatan itu, Penasehat Umum juga bertemu ramah dengan Penghulu Awang Tuah bin Tali dan melawat Steshen Pertanian Semabat.

Sa-belum pulang ka-Bandar Seri Begawan, Penasehat Umum telah melawat Pejabat Daerah di-Pekan Bangar di-mana beliau di-beri penerangan oleh Awang Abu Bakar bin Haji Safar.

PENASEHAT Umum D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa sedang di-beri penerangan mengenai dengan perkembangan Daerah Temburong oleh Awang Abu Bakar bin Haji Safar sa-waktu Yang Teramat Berhormat itu melawat ka-Pejabat Daerah Temburong dalam lawatan-nya ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Mesjid alami banjirir ummat Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Masaalah banjirir ummat Islam menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-beberapa buah mesjid di-negeri ini sedang di-ambil berat oleh Kerajaan untuk mengatasi-nya.

Beberapa buah mesjid termasuk Mesjid Omar Ali Saifuddin yang besar dan indah di-Bandar Seri Begawan telah menghadapi kesesakan Umat Islam — kadang2 melimpah keluar dalam masa menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

Keadaan yang sama juga telah turut di alami oleh Mesjid Sufri Bolkiah di-Kampung Perpindahan, Berakas dan Mesjid Sungai Hanching serta juga beberapa buah mesjid lagi.

Kalau dulu, banjirir Umat Islam di-mesjid2 itu biasa-nya berlaku hanya sa-tahun sa-kali ia itu dalam masa sambutan sembahyang Hari Raya.

Dalam ucapan ketika merasmikan pembukaan Nuzul Al-Quran pada sa-belah malam hari Rabu lepas, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri

Utama Awang Haji Md. Zain mensifatkan keadaan itu sa-bagai perkara yang amat menyukakan hati dan menyatakan bahawa masaalah itu di-ambil berat oleh Kerajaan D.Y.M.M. untuk mengatasi-nya.

Beliau juga menyebut akan puncha2 yang menyebabkan melimpah2-nya Umat Islam menunaikan fardhu Jumaat itu yang antara-nya ia-lah ujud-nya kesedaran belia2 Islam dalam menunaikan kewajipan mereka terhadap Allah di-samping melaksanakan tugas2 yang lain.

Di-sepanjang bulan puasa ini, kata-nya, ramai benar belia2 bersama2 dengan golongan Islam yang lain telah bertumpu ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk menunaikan sembahyang lima waktu. "Ini-lah kesan2 keresapan perasaan beragama di-kalangan belia2", tegas beliau.

Hal ini berlaku di-perchayai beliau ada-lah berhubung rapat dengan pendidekan Ugama Islam baik yang di-sampaikan di-sekolah2 mahu pun di-tempat2 yang lain termasuk dari usaha para ibu bapa di-rumah masing2.

Mengenai dengan pendidekan Ugama ini, beliau telah juga me-

nimbulkan beberapa masaalah yang di-timbulkan oleh ibu bapa dan penjaga2 murid berhubung dengan kekurangan bilek2 darjah di-sekolah2, khas-nya di-kawasan dalam bandar.

Beliau mengakui bahawa masaalah ini juga merupakan satu masaalah yang mesti di-selesaikan sa-berapa chepat yang mungkin dan beliau berjanji akan melaksanakan penyelesaian itu dengan sa-baik2-nya.

PENDARATAN PERTAMA BOEING 737

BERAKAS. — Kapal terbang Boeing 737 yang di-punyai oleh Sharikat Penerbangan Singapura (SIA) akan melakukan pendaratan pertama di-landasan Lapangan Terbang Antara Bangsa di-Berakas hari ini, 1hb. Nobember, 1972 pada pukul 11.25 pagi.

Kapal terbang itu akan mendarat dengan membawa penumpang2-dari Singapura ka-Brunei dan pendaratan itu merupakan pendaratan yang julong2 kali-nya di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei.

Sa-orang juruchakap chawangan SIA di-Brunei menyatakan bahawa satu acara pindek akan di-adakan bagi mengalu2kan pendaratan pertama itu.

Bachaan doa selamat akan di-bachakan oleh Mudim Md. Yusof (Lihat muka 8)

MELIHAT ANAK BULAN SHAWAL

PEGAWAI2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 dari Jabatan Ukur akan pergi ka-tempat2 yang tertentu dalam negeri ini pada petang hari Isnin 6hb. Nobember bagi melihat anak bulan Shawal untuk menentukan Hari Raya.

Mereka akan melihat anak bulan itu di-Bukit Tabor Bintang di-Berakas, Istana Pantai di-Tutong dan Sungai Bera, Seria.

Sekira-nya anak bulan dapat di-lihat pada petang itu, maka Hari Raya akan jatuh pada hari Selasa, 7hb. Nobember, 1972.

Dan jika tidak nampak pada petang itu, bulan puasa akan berakhir pada 7hb. Nobember dan hari raya akan jatuh pada hari Rabu, 8hb. Nobember.

Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan bahawa upacara sembahyang Hari Raya di-semua mesjid di-negeri ini akan di-mulakan pada pukul 7.30 pagi.

SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



GAMBAR atas menunjukkan sa-bahagian daripada para hadirin yang telah menyaksikan sambutan Nuzul Al-Quran yang telah di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada minggu lepas. Sementara gambar kiri Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal sa-waktu menyampaikan tafsir Al-Quran dalam majlis tersebut. — Gambar2 eshan JHEU/BP.

PERTIWI buka tabong untok pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pertiwi telah membuka tabong kewangan khas bagi menyimpan semua pendapatan dari hasil usaha

Pulang berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 7 orang penuntut ugama Brunei yang belajar di-Maktab Kadir Adabi, Kelantan di-jadualkan tiba di-Brunei pada 6hb. Nöbember kerana berchuti di-tanah ayer.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Sahak bin Haji Abdullah, Dayang Noriah binte Mohamed, Dayang Rasidah binte Awang Tengah, Dayang Mastura binte Haji Awang, Dayang Gandhi binte Haji Duraman, Dayang Siti Azimah binte Abdul Rahman dan Dayang Noor binte Mahadi.

Sa-ramai 9 orang lagi penuntut Brunei yang belajar di-Kolej Islam, Klang di-jadualkan tiba di-Brunei pada 2hb. Disember kerana berchuti di-tanah ayer.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Besar bin Abu Bakar, Awang Kasim bin Lamat, Awang Elias bin Haji Jalil, Awang Tassim atau Damit bin Akim, Awang Ahmad Bukhari bin haji Hanafiah, Awang Mohamed Tarif bin Metussin, Awangku Jabaruddin bin Pengiran Mohamed Salleh, Dayang Kasmah binte Siput dan Dayang Norhani binte Haji Baha.

ahli2 persatuan itu bagi mengutip derma dari orang ramai untok tabong pembinaan stadium.

Pengarsui Jawatankuasa Persatuan Pertiwi bagi Tabong Pembinaan Stadium, Dayang Jusnani binte Haji Lawie berkata Persatuan itu telah berjaya mengumpulkan wang sa-banyak \$142.85 dari hasil jualan kueh-mueh baru2 ini.

Pendapatan kasar hasil jualan sa-lama dua hari itu berjumlah sa-banyak \$382.55 dan modal kerana membeli bahan2-nya berjumlah sa-banyak \$239.70.

Dayang Jusnani menerangkan sungeoh pun pendapatan itu sedikit berbanding dengan tenaga dan masa yang di-gunakan, namun Persatuan Pertiwi merasa bangga kerana semua hasil tersebut di-sumbangkan oleh tenaga suka-rela dari ahli2 Persatuan Pertiwi.

Dayang Jusnani menambah kata, langkah2 dan rancangan2 lain akan di-jalankan dari semasa ka-semasa untok mengumpul wang derma itu sa-hingga-lah masa-nya t'ba untok di-tutup kelak.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Satu majlis sambutan Nuzul Al-Quran yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan telah berlangsung di-Pusat Belia pada sa-belah malam hari Rabu lepas.

Sambutan itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Strudin.

(Berita dari ucapan beliau dalam sambutan tersebut di-siarkan di-muka 1).

Ini-lah pertama kali-nya sambutan Nuzul Al-Quran di-adakan di-Pusat Belia. Sambutan itu biasa-nya di-adakan di-adakan di-lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin sejak beberapa tahun yang lalu.

Lima orang qari dan qariah yang baru saja pulang ka-tanah ayer sa-lepas menjalani kursus pembacaan Al-Quran di-Kelantan atas daya usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei telah di-undang khas untok memperdengarkan bacaan mereka.

Qari2 itu ia-lah Imam Jal'n bin Haji Mustapha, Awang Tahir bin Md. Jaafar dan

(Lihat Muka 6)



Dayang Taibah binte Kudi, salah sa-orang qariah yang mempelajari bacaan Al-Quran di-Kelantan atas usaha JHEU sedang memperdengarkan bacaan-nya dalam majlis sambutan Nuzul Al-Quran.



Awang Tahir bin Jaafar yang juga telah menjalani kursus pembacaan Al-Quran di-Kelantan dan baru saja balek ka-tanah ayer baru2 ini telah memperdengarkan bacaan beliau dalam sambutan itu.

Pendaftaran nama anak2 yatim di-Daerah Brunei/Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 Belia dan Kebajikan di-Daerah Brunei/Muara, telah di-minta supaya mendaftarkan nama anak2 yatim, di-kawasan2 di-mana Persatuan itu di-tubuhkan sekira-

nya di-kawasan itu, tidak mempunyai Ketua Kampong.

Sa-orang juruchakap Pejabat Kebajikan, menghendaki mereka menchatet tarikh anak2 yatim itu di-lahirkan, umur dan lain2 yang di-perlukan.

Pendaftaran anak2 yatim di-daerah tersebut, hendak-lah di-sampaikan kepada Pengiran Momin bin Pengiran Damit, di-Pejabat Penchen Negara, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari Khamis, 2hb. Nöbember.



KHUTBAH JUMA'AT

MALAM LAILATUL-QADAR LEBEH BAIK DARIPADA SA-RIBU BULAN

BAGI orang2 yang taat dan gembar mendampingi diri kepada Allah, bulan Ramadhan ini ada-lah satu bulan yang di-tunggu2 dan di-pergunakan sapenoh-nya untuk melebihi amal ibadat. Kerana di-bulan Ramadhan ini di-pergandakan Allah pahala segala amal ibadat yang di-kerjakan dengan niat dan perbuatan yang ikhlas, sama ada amal ibadat itu berupa sembahyang, puasa, mengaji Quran atau pun bersedekah dan beriktikaf di-mesjid dan lain2.

Sa-bagaimana yang tuan2 maklum di-dalam bulan Ramadhan ini terdapat satu malam yang di-namakan "Malam Lailatul-Qadar" — satu malam yang sangat2 istimewa di-mana pintu rahmat Ramadhan terbuka dengan sa-leber2-nya. Jika pada malam itu orang2 beribadat kepada Tuhan dengan khusu', melakukan iktikaf di-mesjid dan sa-umpama-nya, maka ibadat yang satu malam itu lebih pahala-nya daripada amal sa-ribu bulan. Hal ini di-terangkan oleh Allah di-dalam Quran sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud:

"Lailatul-Qadar itu ada-lah lebih baik daripada sa-ribu bulan. Pada-nya turun malai-kat2 dan roh dengan izin Tuhan mereka itu, berbahagia-lah dia sa-hingga terbit fajar".

Malam Lailatul-Qadar ada-lah malam yang amat berbahagia, yang datang hanya satu kali dalam sa-tahun. Itu-lah sebab-nya Nabi Mohammad s.a.w. beserta sahabat baginda pada ketika itu lebih membayangkan berjaga daripada tidur dan lebih banyak mengerjakan iktikaf di-mesjid daripada dudok di-rumah.

Menurut keterangan Jamhur Ulama malam Lailatul-Qadar itu jatuh pada malam yang ganjil dari sa-pertiga yang akhir dari bulan Ramadhan itu bukan-lah seperti "galagah" makin ka-hujung makin tawar ayer-nya, tetapi ia-nya laksana buah "piasau" sa-makin tua sa-makin banyak minyak-nya.

Oleh kerana itu mari-lah berusaha merebut peluang bagi memperolehi malam Lailatul-Qadar itu ia-itu dengan chara yang betul dan sesuai dengan ajaran2 Ugama, maka ada-lah elok sa-kira-nya kita pergunakan sa-puluh malam yang terakhir dari bulan Ramadhan ini masa yang kita lebehan untuk beramal iba-

"Ibadat yang satu malam itu lebih pahala-nya daripada 'amal sa-ribu bulan"

dat sa-umpama memperbanyakan membacah Quran, beriktikaf di-mesjid dan sa-bagai-nya dengan hati yang khusu' dan tawadu' kepada Allah.

Ada pun beramal dengan menuju2 malam yang tertentu ada-lah berlawanan dengan perintah menghidupkan malam Lailatul-Qadar itu, sa-kali pun ada riwayat hadith yang meneka malam Lailatul-Qadar itu tetapi bukan-lah tujuan-nya menyuruh beramal pada malam itu dengan mengusongkan pada malam2 yang lain.

Oleh yang demikian mari-lah kita mengambil peluang pada memperbanyakan amal ibadat di-sepanjang bulan puasa ini terutama dengan melebihi-nya di-sepanjang sa-puluh malam yang terakhir itu. Mudah2an dengan demikian kita akan dapat memperolehi pahala dan kelebihan malam Lailatul-Qadar yang kebajikan-nya lebih dari amal sa-ribu bulan itu.

Bakal2 haji bertolak 11hb. Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 47 bakal haji Brunei akan bertolak ka-Labuan dalam perjalanan mereka untuk menunaikan fardhu haji ka-Mekah.

Bakal2 haji itu akan menaiki kapal2 kerajaan menuju ka-Labuan dan dari sama mereka akan menaiki kapal haji 'Malaysia Raya'.

Pada tahun ini sa-ramai 371 orang umat Islam di-negeri ini akan menunaikan fardhu haji. Dari jumlah itu sa-ramai 324 orang akan pergi dengan menaiki kapal terbang.



13 masok pereksa bahasa Jepun, China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 13 orang chalon akan mengambil peperiksaan bahasa Jepun dan China yang akan diadakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan dalam bulan Disember hadapan.

Tiga orang chalon akan mengambil peperiksaan bahasa Jepun, dua bagi Primary dua dan sa-orang bagi Primary lima pada 11hb. dan 12hb. Disember.

10 orang chalon akan mengambil peperiksaan bahasa China, 6 bagi Primary dua dan 4 bagi Primary empat pada 12hb. dan 13hb. Disember.

Perkara2 dalam kedua2 peperiksaan itu ia-lah bacaan, ujian lisan, ejaan dan tulisan.

AWANG Mornee bin Sainai (di-tengah2), salah sa-orang dari tiga orang wakil Brunei ka-pertandingan membacah Al-Quran Perengkat Antara Bangsa yang telah di-adakan di-ibu kota Malaysia — Kuala Lumpur baru2 ini.

Dua orang yang lain ia-lah Awang Haji Mashod bin Awang Danit dan Dyg. Hajjah Aminah bte Siling.

Wakil2 Brunei itu telah di-iringi oleh tiga orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama. Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Haji Ramli, Awangku Sabudin bin Pengiran Sapiudin (kiri) dan Dayangku Siti Khatijah binte Pengiran Umar (kanan). — Gambar JHEU/BP.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1hb. Nobember, 1972 hingga ka-hari Selasa 7hb. Oktober, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
1hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
2hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
3hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
4hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
5hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
6hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
7hb. Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

REAKSI BELIA TERHADAP IBADAT

SEDANG negara2 lain menghadapi berbagai2 masalah belia yang kalah dengan soal2 pendidikan, sikap terhadap negara dan sikap terhadap Uga ma serta perlakuan2 yang harus lahir dan nyata, maka kita juga sa-chara tidak langsung turut sama terlibat dalam hubungan ini. Negara kita semakin ramai di-tumhobi oleh belia2 berbilang kaum, tetapi yang terbesar sekali ia-lah belia2 Islam. Masalah belia, walau macam mana pun adalah tidak jauh beza-nya, kerana sifat2 tuntutan yang umum ada-lah merupakan satu kemestian yang tidak dapat di-tolak saperti sumbangan yang di-perlukan dari mereka bagi kepentingan negara baik dari segi perekonomian mahu pun kemasharakatan.

Dalam pergolakan yang demikian ini, tidak dapat di sangkal pula telah menjadi satu sebab yang dapat melalaikan mereka itu daripada melaksanakan tanggung-jawab terhadap ibadat yang mesti di-kerjakan sa-bagai belia2 Islam. Berhubung dengan perkara ini telah biasa benar berdebang dalam pendengaran kita bahawa ibadat itu sa-lah2 tidak nampak akan kemustahakan-nya bilamana ia-nya di-babit2kan dengan soal kehidupan apa lagi soal2 kehidupan yang selu-nya di-katakan mendesak yang konon-nya tidak menjadi apa2 jika ibadat itu tertinggal kerana desakan hidup tersebut.


Pandangan sa-umpama ini, nampak-naya tidak termakan dalam pemikiran beliau2 Islam di-Brunei, bahkan mereka lebih mementingkan soal2 ibadat itu, sementara soal2 kehidupan atau perjuangan untuk hidup itu di-anggap perkara yang biasa. Ini tidak pula bermakna bahawa beliau2 kita itu hanya menyerahkan diri kepada ibadat tanpa menghiraukan soal2 hidup. Apa yang ingin kita tekankan dari segi pandangan beliau2 di-Brunei ia-lah yang ibadat itu ada-lah tetap ibadat yang mesti di-kerjakan walau dalam keadaan apa sekali pun. Soal hidup juga merupakan perkara yang mesti di-perjuangkan, tetapi ia-nya hendak-lah tidak merupakan suatu gejala yang menjadi punca menjejaskan kita sa-bagai orang2 Islam dalam menunaikan perintah2 dari Tohan.

Soal ibadah di-kalangan beliau2 ini telah terbukti benar sa-hingga Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama sendiri telah menisfatkan-nya sa-bagai perkara yang amat menyukakan hati dan berjanji akan melaksanakan usaha2 untuk mengatasi kebanjiran Umat Islam di-mesjid2 sa-waktu menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

Apa yang menjadi harapan kita bahwa kebajirannya itu tidak akan menjadi satu bayangan yang hanya sa-takat dari kulit sahaja dalam hubungan melaksanakannya ibadat itu, tetapi mudah2an ia-nya lahir dari dorongan jiwa Islam yang benar2 sedar terhadap kewajipan yang mesti di-laksanakannya itu.



Gambar ramai atas menunjukkan para doktor, kaki-tangan dan pesakit2 yang menerima rawatan dalam Unit Rawatan Buah Pinggang di Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Di-sabelah kanan sekali ia-lah Doktor Husain bin Daud (berdiri), sementara yang berdiri di-kiri sekali ia-lah Dato Dr. Hart. Pesakit2: yang duduk di-kiri sekali ia-lah Awang Md. Yusof; duduk di-atas katil ia-lah Dayang Tan Nyuk Leng dan duduk di-belakang Dayang Tan ia-lah Awang Ahmad bin Ismail. Dudok dari sa-belah kanan ia-lah Sister Agatha (petugas kanan dalam unit itu); Awang Tahir bin Tujoh, Dayang Mariam binte Haji Mandor; dan Doktor Wu dari Pejabat Projek Penghapusan Malaria. Awang Tan Siong Seng dari Miri tidak dapat hadir sa-waktu gambar ini di-ambil. Gambar ramai ini ia-lah sa-bagai kenangan2an sa-waktu unit itu mengadakan sambutan ulang-tahun yang ke-4.



Dr. Husain dengan di-bantu oleh Sister Agatha (kanan sekali) dan dua orang jururawat ketika menjalankan pemeriksaan ka-atas meshin buah pinggang buatan.



Dayang Mariam salah sa-orang pengidap penyakit buah pinggang sedang di-bantu oleh suami-nya untuk menyiapkan persediaan2 yang perlu terhadap mesin buah pinggang buatan itu. Pesakit2 di-unit itu memang telah di-latih untuk mengendalikan mesin tersebut.

MENINJAU KA-UNIT MESHIN BUAH PINGGANG DI-RUMAH SAKIT BESAR

**“UNIT BUAH PING-
GANG:”** parksean ini

tertulis besar dalam huruf ja-
wi di-muka pintu wad 6 di-
Rumah Sakit Besar Negeri
Brunei di-Bandar Seri Bega-
wan. Untuk masuk ka-dalam
wad ini tidak begitu mudah,
walau pun dalam masa lawa-
tan ka-Rumah Sakit itu di-
buka. Saya tertarek untuk
mengetahui akan "bahanda"
yang ada dalam wad 6 itu da-
lam hubungan rawatan buah
pinggang tersebut. Buat ke-
banyakan kita di-Brunei, ra-
watan buah pinggang ini ma-
seh asing benar, malah mung-
kin sa-bilangan besar dari ki-
ta tidak tahu yang buah ping-
gang ada-lah salah satu baha-
gian dalam tubuh badan ma-
nusia yang mengambil peran-
an penting terhadap peneru-
san pernafasan manusia. Le-
beh tegas lagi di-katakan ba-
hawa buah pinggang ada-lah
alat dalam tubuh badan ma-
nusia yang dapat menyubor-
kan hidup sa-saorang. Sa-ba-
lek-nya jika terdapat kerosak-
an atau penyakit yang terok
kapada kedua2 buah ping-
gang itu ia-nya boleh mem-
bunuh dalam jangka waktu
yang pindek.

Pagi Hari Khamis yang lalu, saya bersama2 juru-gambar, **Sarbini Taha** telah di-alu2kan masuk ka-dalam wad itu oleh Dr. Hussain Daud bersama2 dengan anak buah-nya, Sister Agatha Yan Lian Siew dan seorang jururawat.

Unit rawatan buah pinggang dalam wad 6 ini yang luas-nya kira2 13 kaki buka dan 30 kaki panjang-nya itu di-bekalkan dengan hawa dingin di-samping suasana yang nyaman di-pandang. Dalam unit ini terdapat tiga buah mesin buah pinggang "milton roy" yang di-import dari Britain yang tiap2 satu berharga kira2 \$20,000.00 wang Brunei. Dalam tiga buah mesin itu, dua buah adalah di-beli oleh Kerajaan, sementara yang satu lagi di-punyai sendiri oleh sa-orang pesakit buah pinggang yang turut menjalani rawatan dalam unit itu. Pesakit yang mempunyai mesin sendiri itu ia-lah Awang Tan Siong Seng dari Miri, Sarawak. Atas nasihat Doktor, mesin itu di-beli oleh ayah-nya dengan bantuan dari masyarakat China melalui Persatuan Perniagaan Tionghwa di-Brunei.

Kegagalan yang selalu ber-
laku kapada perjalanan buah
pinggang ada-lah di-sebabkan
kedua2 buah pinggang itu ro-

sak seperti jangkitan terok-
dari satu2 penyakit; apabila
buah2 pinggang itu rosak ber-
ikutan dengan keluakan; ber-
ikutan dengan kesukaran me-
lahirkan bayi yang di-sertai
berdarah bahagian dalam
yang memakan masa yang
panjang; apabila buah2 ping-
gang itu luar biasa bentok-nya
di-sebabkan keturunan; sema-
sa terdapat acid yang banyak
tanpa di-kawal; semasa berla-
ku kerachunan yang melibat-
kan buah2 pinggang; semasa
berlaku tekanan darah tinggi
yang amat sangat; dan ber-
ikutan dengan banyak lagi
keadaa2 lain.

Sa-belum mesin itu di-
cipta lebih ramai pengidap2
penyakit itu tidak dapat di-
selamatkan dari menghadapi
tetapi berikutan bagitu chepat,
nya mesin tersebut, maka pe-
ngidap2 penyakit itu lebih ra-
mai yang dapat di-selamatkan
dan boleh hidup sa-hingga
berbelas tahun ka-hadapan.

Menurut **Dr. Hussain Daud**, anak jati Brunei yang mengawasi unit buah pinggang itu, mesin2 itu baru ada di-Brunei dalam masa empat tahun. Semua yang menerima rapid dari unit itu maseh hidup dengan gembira-nya disamping dapat meneruskan tugas2 harian mereka.

pesakit itu merawat 7 orang
rempun termasuk 2 orang pe-
oleh tiga yang di-kendalikan
but. Meslin ini meslin terse-
laksanaanan bertugas me-
hadap puncha2 yang di-sebut-
kan di-atas, tetapi lebih ban-
yak bertugas terhadap pem-
bersehan darah yang di-ke-
dari tubuh menerusi satu alat
dian-nya pesakit dan kemu-
dia masasokkan satu alat lagi bertu-
rah yang sudah bersehan kemu-
di-proses oleh satu alat yang
lain di-namakan "artificial
tor mengalir ka-satu alat
membuang kotoran.

sa-seorang menjalani proses ini, lu menggunakan pesakit chuma per-lama 10 jam sa-kali. Perbuat-dan ini di-lakukan berulang2 gu. Mesin2 itu di-gunakan sa-ming-chara bergilir2 menurut ros-lah yang telah di-ator. Ada-lingkungan bahawa dalam Brunei sahaja yang ada mem-

punyai unit buah pinggang tersebut.

Menurut **Dato Dr. P.L. de V Hart**, sa-orang pakar yang kanan di-Rumah Sakit Besar, dari keadaan yang ada sekarang ini ternyata mesin itu masih belum mencukupi dan ada-lah perlu d-tambah beberapa buah lagi. Keadaan akan lebih mendesak, katanya, jika bilangan pesakit yang memerlukan rawatan dari mesin itu bertambah.

Menurut beliau bahawa apa yang amat mustahak dalam mengendalikan kesihatan rakyat dan orang ramai di-negeri ini ia-lah taraf perkhidmatan yang boleh menandingi pertumbuhan manusia dan menurut kemajuan dan kejayaan dalam penerokaan bidang2 yang dapat menjamin kesihatan itu. Kemajuan sains dan teknologi telah turut sama meresap, malah menjadi utama dalam bidang menyempurnakan kesihatan manusia.

Ini, kata-nya, amat mengembirakan para doktor. Dasar kami memberikan perkhidmatan yang sa-chukup2-nya kepada pesakit2 dengan harapan yang mereka itu, jika mungkin, semua-nya dapat diselamatkan di-bawah tangan kami. Kami cukup gembira bilamana dapat menyelamatkan nyawa sa-seorang dan hanya ini-lah yang di-kehendaki oleh para doktor yang mendukung dasar perkhidmatan itu.

Perkhidmatan ini, kata-nya, akan terlaksana dengan baik-nya menerusi lengkap-nya alat2 yang di-perlukan sa-bagaimana yang ujud dalam kemajuan sains dan teknologi sekarang ini. Perbelanjaan ka-arah ini sudah tentu memakan jumlah yang besar. Tetapi, tegas beliau, nyawa ada-lah lebih besar harga-nya dari se-mua itu. Nilai nyawa ini da-mpat kita rasakan dalam diri kita sendiri, tanpa menyoal orang lain. Jika kita rasa yang nyawa kita itu lebih tinggi harga-nya dan nilai-nya dari lain2 perkara, maka begitu-lah juga nyawa orang lain, kera-nia mereka itu juga manusia seperti kita yang mahukan hidup yang gembira.

Menurut Dr. Husain pula, semua manusia mesti mati dengan berbagai2 chara-nya. Tetapi sa-belum kita mati, kita di-galakkan berusaha sa-takat mana yang kita boleh. Kerana itu, pertubohan2 perubatan

timbul, dan ujud berjuta2 para doktor dalam pelbagai jurusan kemahiran.

Matalamat perubatan dan kesihatan itu tidak lain dari berusaha menyelamatkan manusia dari di-timpa oleh sebarang bencana kesihatan.

Alat2 saperti meshin buah pinggang ini ada-lah perlu dalam melaksanakan perkhidmatan itu.

Dato Dr. Hart dan Dr. Husain yang di-khaskan mengendalikani unit itu sama sa-pendapat dan yakin yang Brunei akan merasa perlu untuk memileiki mesin buah pinggang itu lebeh banyak lagi atau sa-kurang2-nya dua atau tiga buah lagi dalam keadaan yang ada sekarang.

Saya sempat juga menemui pesakit2 yang ada dalam unit tersebut. Dalam masa itu hanya tiga orang pesakit sahaja yang ada (meshin hanya tiga) yang sedang menjalani rawatan dari meshin tersebut. Yang 4 orang lagi, terpaksa menunggu giliran mereka pada esok-belah malam.

Awang Ahmad bin Ismail, berumur 48 tahun menurut IC-nya, sa-orang Obasir di Jabatan Kerja Raya dan mempunyai sa-orang isteri dan 10 orang anak menyatakan pengalaman-nya dalam rawatan itu. Beliau sangat gembira atas rawatan yang diberikan, terutama sekali dengan ada-nya bantuan meskin tersebut. Beliau ada-lah pesakit yang boleh mengendalikan sendiri meskin itu, kerana beliau sudah mesera dengan meskin tersebut sa-lama leleh dari tiga tahun ia-itu sejak beliau di-masokkan ka-rawatan unit itu.

Kadang2 Awang Ahmad di-bantu oleh anak perempuannya yang menerima serba sedikit latehan dari pihak unit itu untuk mengendalikan mesin tersebut. Sa-lain dari bea-u, pesakit2 di-unit itu juga boleh mengendalikan sendiri mesin2 tersebut.

Pesakit2 lain yang menerima rawatan dalam unit itu adalah terdiri dari Md. Yusof bin Piut dari Kampong Sungai Kedayan; Dayang Mariam binte Haji Mandor dari Kampong Bengkurong; Awang Ta'ir bin Tuoh' dari Kampong Perudong; Dr. Wu dari Jabatan Projek Penghapusan Maria dan Dayang Tan Nyuk eng dari Bandar Seri Begawan.



Dato Dr. P.L. de V Hart.



Awang Ahmad bin Ismail yang telah masuk ka-unit rawatan buah pinggang sejak tiga tahun yang lalu, kelibatan sedang mengendalikan sendiri apa yang dikehendaki oleh mesin buah pinggang itu sambil di-bantu oleh anak perempuan-nya yang memang telah di-latih oleh pihak unit itu. Ini adalah satu keistimewaan dalam unit tersebut yang mana para pesakit2 itu boleh mengendalikan sendiri apabila mereka berkehendakkan rawatan dari mesin2 tersebut pada masa2 yang telah di-tetapkan.

oleh: PENGARANG.



KUMPULAN nashid perempuan Daerah Brunei-Muara di-bawah pimpinan Ustadz Abdul Kadir Awang ketika mempersembahkan lagu nashid yang di-padankan dari suasana sambutan Nuzul Al-Quran pada malam itu.

15 orang qari dan quraiah akan sertai pertandingan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 15 orang qari dan qariah yang mewakili sembilan buah persatuan belia di-Daerah Brunei-Muara akan mengambil bahagian dalam pertandingan membacah Quran anjoran Persatuan KEMUKA.

Pertandingan tersebut akan di-adakan pada 2hb. Nohember di-dewan persatuan itu mulai jam 8.00 malam.

Pertandingan kali yang keempat di-anjorkan oleh persatuan itu ia-lah bagi memperingati Nuzul Al-Quran.

Timbalan Kadzi Besar, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal akan merasmikan pertandingan dan juga menyam-

Sambutan Nuzul Al-Quran

(Dari Muka 2)

Awang Haji Abdullah bin Lakim, sementara qariah2-nya pula ada-lah terdiri dari Dayang Taibah binte Kudi dan Hajjah Dayang Damit binte

paikan hadiah2 kepada pemenang2.

Pertandingan tersebut akan di-sulami dengan berbagai2 persembahan termasuk hadrah, nashid dan kesidah.

Sa-orang pembacah Quran dari Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Damit bin Haji Kawang juga akan di-jemput untuk memperdengarkan suaranya dalam pertandingan tersebut.

Sa-orang juruchakap pertandingan menyeru kepada peserta2 pertandingan itu supaya hadir di-dewan Persatuan KEMUKA sa-tengah jam sebelum pertandingan di-mulakan.

Orang ramai ada-lah di-perisikan untuk menyaksikan pertandingan tersebut.

JAWATAN KOSONG:

SA-BAGAI JURURAWAT TERLATEH DAN JURURAWAT

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jururawat Terlateh dan Jururawat untuk berkhidmat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2:

Jururawat Terlateh; Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang di-akui.

Jururawat; Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang di-akui; DAN mesti-lah Bidan2 yang berkelayakan yang mempunyai ke-lulusan2 yang di-akui.

Gaji:

Jururawat Terlateh; Dalam su-

Mohd. Yusof.

Sa-lain dari itu, kumpulan nashid perempuan Daerah Brunei dan Muara yang di-pimpin oleh Ustadz Abd. Kadir Awang telah mempersembahkan beberapa buah lagu nashid yang di-padankan dari suasana sambutan Nuzul Al-Quran itu.

Satu acara khas ia-itu tafsir Al-Quran telah di-sampaikan dalam majlis itu oleh Timbalan Kadzi Besar Brunei, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal. Dua orang pembacah sajak juga telah membacakan dua buah sajak yang berunsur ugama.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan doa selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khattib Juned bin Jamaluddin.

JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 4hb. Oktober, 1972 mulai pada jam 9.00 pagi.

katan gaji D 3 — \$410x20-

510.

Jururawat; Dalam sukatan gaji D 4 — \$540x20-660.

Temuduga:

Temuduga bagi pemohon2 yang di-terima akan di-atorkan tidak lama sa-lepas permohonan2 di-terima.

Sharat2 Lantekan.

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi chalun2 yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada-nya.

213 orang chalun masok pereksa trengkas, menaip dan steno

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 213 orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 dalam aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Disember akan datang.

Peperiksaan menaip akan di-adakan pada 15hb. Disember, trengkas pada 17hb. Disember dan peperiksaan steno/ilmu menyimpan buku kira2 pada 22hb. Disember.

Dari jumlah itu sa-ramai 152 orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas, menaip kepantasan, ilmu menyimpan buku kira2 dan steno aliran Melayu di-pusat peperiksaan Sekolah Melayu Pusu Ulak dan Sekolah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan.

Selabel orang daripada-nya mengambil peperiksaan trengkas — lima peringkat permulaan, sa-orang peringkat menengah dan lima ter-

tinggi. 131 orang akan mengambil peperiksaan menaip — 63 bagi peringkat permulaan; 22 menengah dan 46 tertinggi. Dua orang chalun mengambil peperiksaan kepantasan menaip, enam bagi steno junior dan dua bagi ilmu menyimpan buku kira2. Dua orang chalun akan mengambil peperiksaan menaip peringkat permulaan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Sa-ramai 33 orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 aliran Inggeris di-pusat peperiksaan Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan. Dua bagi trengkas permulaan, tujuh belas bagi menaip permulaan, sa-belas menaip menengah dan tiga menyimpan buku kira2 peringkat permulaan.

Sementara itu, sa-ramai 26 orang chalun akan mengambil peperiksaan menaip di-Maktab Anthony Abell, Seria. Lapan belas orang peringkat permulaan, enam menengah, sa-orang tertinggi dan sa-orang kepantasan.

Peperiksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Keputusan autocross

SERIA. — Ang Lai Huat berjaya menjadi pemandu yang paling laju dalam perlumbaan autocross Kelab Motor Diraja Brunei yang di-adakan di-Anduki, Seria pada minggu lalu.

Sa-ramai 15 orang peserta termasuk perempuan mengambil bahagian dalam perlumbaan itu.

Keputusan2-nya ada-lah seperti berikut:

Kereta Sport: Pertama — Chris Lammers dan kedua — Nelson Yong.

Kereta Saloon: Pertama — Cheong Huat Leng dan kedua — G. Warmeling.

Kereta Saloon GT: Pertama — Ang Lai Huat, kedua — Roy Ascona dan ketiga — F. Wong.

Perlumbaan Bahagian Wanita telah di-menangi oleh Puan Yuffermans.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Puan Inge Sipkens.

KENYATAAN KENYATAAN DAN : JAWATAN2 KOSONG

SURAT KUASA PESAKA No. 48/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohamad Ghani bin Osman, d/a Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta yang di-punyai oleh Saliah binte Kadir yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab

ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 14 haribulan Nohember, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas. Bertarikh 1 haribulan Nohember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 49/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yamoi anak Ason, Kampong Sungai Duhun, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kudu anak Suntok yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 14 haribulan Nohember, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-

lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas. Bertarikh 1 haribulan Nohember, 1972.

ADMINISTRATION SUIT No. 46 OF 1972.

Application to this Court having been made by Ng Ah Jit of Lot No. 774, Kg. China, Kuala Belait or Perdana Wazir English School, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Ng Siew Wah late of Kuala Belait, Brunei deceased on the ground that applicant is lawful sister of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 14th day of November, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 1st day of November, 1972.

ADMINISTRATION SUIT No. 47 OF 1972.

Application to this Court having been made by Wong Ah Chin of Lot No. 1290, Jalan Pandan, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Koo Khin En late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 14th day of November, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any

interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 1st day of November, 1972.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

BILAL:

1 jawatan bagi Mesjid Kampong Lamunin.

1 jawatan bagi Mesjid Kampong Kiudang.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uga-ma Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 22hb. Nohember, 1972.

Sa-bagai Mekenik Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Mekenik Tingkatan I di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

i) Lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sa-ban-ding;

ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya 5 tahun dan bertugas sa-bagai Fitter/ Mekenik; boleh memperbaiki segala jenis kenderaan darat di-bawah jagaan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

iii) Berumur di-antara 25 dan 40 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 15hb. Nohember, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari-pada orang2 Melayu, dan lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut serta sekurang2-nya Darjah VI Melayu. Chalu2 mesti-lah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kapaa kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalu2 yang berjaya yang terdiri dari

raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-perjawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan gapan berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baru yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 13hb. Nohember, 1972.

Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kecil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





DALAM lawatan ka-Temburong, Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Su'tan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa juga telah melawat ka-steshen pertanian Semabat.

Gambar kiri menunjukkan Yang Teramat Berhormat (kiri sekali) ketika mendengar penerangan Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Jaafar (kanan sekali) mengenai dengan steshen itu.

Kelihatan juga dalam gambar ini ia-lah Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Safar, Awang Salam bin Munaf, pegawai pentadbir di-Pejabat Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan dan pegawai2 pertanian.

Hampir \$125,000 di-bayar untuk penerima2 penchen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen Negara telah membayar sa-banyak \$124,665.00 kepada penerima2 penchen bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluruh negeri dalam bulan Oktober yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei menunjukkan bahawa sa-banyak \$119,225.00 telah di-bayar kepada penerima2 penchen umur tua; \$4,865.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggungan mereka dan \$575.00 di-bayar bagi alao orang tanggungan penyakit kusta dan gila.

Pembayaran bagi penchen umur tua di-Daerah Brunei-Muara ada-lah yang paling banyak sa-kali dengan jumlah sa-banyak \$66,050.00 berbanding dengan Daerah Belait dengan \$21,850.00; Daerah Tutong \$25,025.00 dan Daerah Temburong sa-banyak \$6,300.00.

Bagi pembayaran penchen orang buta serta tanggungan mereka, Daerah Brunei-Muara juga ada-lah yang paling banyak dengan jumlah pembayaran sa-banyak \$3,427.50; Daerah Belait \$687.50; Daerah Tutong \$525.00 dan Daerah Temburong sa-banyak \$225.00.

Pembayaran bagi alao orang2 tanggungan pengidap penyakit kusta dan gila ada-lah menunjukkan sa-jumlah \$325.00 di-bayar bagi Daerah Brunei-Muara; \$187.50 bagi Daerah Belait dan \$62.50 bagi Daerah Tutong. Tidak ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong.

nama2 dan alamat2 dengan terang dan melekatkan setem2 dengan chukup harga-nya di-bahagian sudut atas sa-belah kanan sampul2 surat. Sampul2 surat yang berukuran tidak kurang dari 4 inchi dan 3½ inchi lebar ada-lah sangat sesuai.

Tempat2 letak kereta berbayar di-perluas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan akan meluaskan lagi tempat penarohan kereta berbayar mulai hari ini, Rabu, 1hb. Nobember.

Tempat2 letak kereta berbayar itu ia-lah di-Jalan Elizabeth II, Jalan Pemancha, Jalan Stoney hingga simpang Jalan Dato Ibrahim, Jalan Kianggeh dari simpang Jalan Elizabeth II hingga simpang Jalan Bendahara.

Tempat2 itu akan di-kenakan bayaran 20 sen bagi tiap2 sa-jam.

PENDARATAN PERTAMA BOEING 737

(Dari muka 1)

bin Abdul Latif sa-baik2 saja kapal terbang itu selamat mendarat. Apabila kapal terbang itu hendak meninggalkan Lapangan Terbang Antara Bangsa, ia-nya akan di-ikuti dengan laungan azan yang juga akan di-sampaikan oleh Mudim Awang Md. Yusof.

Sementara itu, pehak polis mengumumkan bahawa jalan bulatan di-jalan masuk ka-Lapangan

Terbang Antara Bangsa di-Berakas itu akan di-buka kepada lalu-lintas mulai pukul 7.00 pagi hari ini.

Pemandu2 ada-lah di-nasihatkan supaya berhati2 dan menjalankan kenderaan mereka dengan perlahan bila hendak sampai ka-jalan bulatan itu.

Jalan lama berhadapan dengan Pejabat Projek Penghapus Malaria akan di-tutup dan satu skatan sementara akan di-pasang di-situ.

\$30,000 UNTUK PENDAHULUAN KAPADA YANG BERHAK MENERIMA FITRAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Uga-ma Islam Negeri Brunei telah memperuntokkan sa-banyak \$30,000.00 untuk di-bahagi2kan sa-bagai pendahuluan kepada fakir miskin atau orang2 yang berhak menerima zakat fitrah tahun ini.

Pembahagian itu sedang dan akan terus di-bahagi2kan kepada orang2 yang berhak menerima menurut yang telah di-daftarkan bagi membolehkan mereka itu menerima bahagian masing2 sa-belum tiba-nya Hari Raya pada tahun ini.

Peruntokan untuk tujuan itu pada tahun ini ada-lah melebihi sa-banyak \$10,000.00 dari tahun lepas. Tahun lepas, majlis itu hanya membuat peruntokan sa-banyak \$20,000.00.

Dalam pada itu, pendaftaran bagi orang2 yang berhak menerima zakat fitrah itu masih giat di-jalankan pada waktu ini.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Uga-ma dalam ucapan merasmikan pembukaan Nuzul Al-Quran da la m minggu lepas menyeru kepada mereka yang berhak menerima zakat fitrah itu supaya bertindak chepat untuk mendaftarkan diri masing2, sama ada melalui amil2 yang di-lantek atau terus ka-Jabatan Hal-Ehwal Uga-ma.

Beliau juga menyeru amil2 yang telah di-lantek itu supaya melipat-gandakan kegiatan masing2 sama ada dalam mencari orang2 yang berhak menerima zakat fitrah itu mahu pun dalam masa pembahagian-nya supaya ansaf2 itu mendapat hak mereka sa-belum menjelang Hari Raya.

Berhubung dengan zakat harta pula, Pengetua Hal-Ehwal Uga-ma itu menyeru kepada siapa saja yang berkenaan dan patut mengeluarkan zakat harta itu supaya berbuat demikian demi mematuhi suruhan Allah.

Menurut beliau bahawa harta2 yang di-miliki itu ada-lah merupakan pinjaman dari Allah dan bukan-lah hak mutlak seratus peratus kepada orang2 yang di-kurniakan-Nya, bahkan ia-nya ada juga orang lain yang ampunya menurut yang di-tentukan oleh Allah.

Beliau juga menyebut akibat2 yang akan di-terima oleh orang2 yang patut mengeluarkan zakat harta itu, tetapi enggan berbuat demikian kerana terlampau kasehkan harta.

Beliau berkata, kasehkan harta sa-hingga melebihi kaseh-nya terhadap Allah ada-lah satu perbuatan yang di-takui akan menimbulkan bala kepada orang2 yang menyimpan harta itu yang enggan menurut shariat2 yang di-tentukan oleh Tuhan.

Beliau menjelaskan, apabila chukup rukun2 dan shariat2-nya, maka harta yang di-miliki itu, 2½% daripada-nya bukan-lah hak orang yang ampunya harta itu, tetapi ada-lah hak orang2 yang di-tentukan menerima-nya.

Beliau menyeru Umat Islam, khas-nya di-kalangan mereka yang patut mengeluarkan zakat harta itu supaya mengeluarkan zakat masing2 dengan sa-besarnya segera yang boleh.

Kirimkan kad2 Selamat Hari Raya dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah menyeru orang ramai supaya mengirim kad2 Selamat Hari Raja tidak lewat dari 6hb. Nobember.

Kad2 yang hendak di-hantar ka-alamat2 di-dalam negeri mesti-lah di-kirimkan tidak lewat dari 6hb. Nobember.

Ini ada-lah untuk memastikan kad2 tersebut akan tiba di-tempat2 yang di-tujukan itu sa-belum hari raya.

Beliau telah juga meminta pengirim2 supaya menulis

Pepereksaan kerani2 rendah kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan kecikapan kerani2 rendah dalam pangkat 'A' dan 'B' bagi perkhidmatan kerani akan di-adakan pada 31hb. Disember ini.

Surat Keliling Pejabat Perjawatan telah meminta kerani2 yang ingin mengambil pepereksaan tersebut supaya menghantar nama2 mereka melalui ketua2 jabatan kepada Pegawai Perjawatan dengan sa-besarnya setera dan tidak lewat dari 11hb. Nobember.

Mereka di-kehendaki menyatakan mengenai lantekan, kelayakkan pelajaran, umur dan gaji mereka sekarang.

Surat Keliling itu telah juga meminta chalu2 yang mengambil hanya satu perkara hendak-lah menyatakan perkara yang akan di-ambil-nya itu.